

MENERAJUI KECEMERLANGAN

INFO

BIL. 1/2020 ISSN 0127-1023



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES



MAJLIS PELANTIKAN AHLI LEMBAGA PENGARAH BAHARU



FOKUS

Mini Karnival Keusahawanan
Koperasi "Cipta Nilai,
Jana Pendapatan

PERSPEKTIF

Program Turun Padang
ke Arah Kemakmuran
Bersama (KKB) 2020

JARINGAN

Pasar COOP dan
Keusahawanan
Koperasi Zon Utara



Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives



www.ikkm.edu.my



Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana di atas izin-Nya, Majalah INFO bagi edisi pertama 2020 berjaya diterbitkan. Di kesempatan ini, saya bagi pihak editorial Majalah INFO ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak atas kerjasama dan sumbangan idea bagi penghasilan majalah ini. Komitmen dan usaha semua pihak yang menjadikan penerbitan majalah ini terlaksana haruslah dipuji. Diharapkan melalui penerbitan majalah ini, warga IKM dapat menyumbangkan berita dan melaporkan pelaksanaan program/aktiviti sepanjang tahun untuk tatapan para pembaca sekali gus dapat dikongsi bersama gerakan koperasi di Malaysia.

Awal tahun ini dunia dikejutkan dengan penularan wabak pandemik Covid-19 yang telah menjangkiti lebih ratusan ribu orang termasuklah di Malaysia. Ekoran itu, Perintah Kawalan Pergerakan telah dilaksanakan di mana beberapa sektor telah pun diarah tutup termasuklah sektor koperasi. Alhamdulillah, tindakan pantas Malaysia dalam membendung usaha penularan wabak tersebut bagaimanapun membuahkan hasil apabila semakin hari semakin berkurangan kes yang

dicatatkan. Kerajaan kini berusaha untuk memulihkan ekonomi negara dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif antaranya Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) yang keseluruhannya bernilai RM260 bilion telah memberi penekanan kepada kesihatan awam, Pakej Prihatin bagi menggalakkan aliran tunai termasuklah inisiatif seperti Bantuan Prihatin Nasional, moratorium pinjaman bank, pengurangan sumbangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan banyak lagi dirangka dengan satu matlamat iaitu memastikan rakyat Malaysia bangkit semula. Seterusnya Kerajaan telah melancarkan pula Pakej Prihatin PKS yang memberi fokus kepada perniagaan mikro, kecil dan sederhana bertujuan untuk memastikan perniagaan dan pekerjaan dapat dilindungi dalam keadaan ekonomi terjejas akibat wabak Covid-19 ini.

Malaysia berkemungkinan akan mengalami gelombang kedua wabak Covid-19 jika rakyat alpa dan tidak mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan. Justeru, IKM menyokong usaha kerajaan sepenuhnya dengan melaksanakan kursus/program mengikut syarat ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). IKM turut mengambil pendekatan dengan mempelbagaikan program secara dalam

talian dengan hasrat untuk membantu para koperator dan usahawan merangka strategi dalam menjana pendapatan sewaktu krisis Covid-19. Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan, IKM telah menganjurkan 29 program Bicara Ilmu dalam talian secara percuma kepada koperasi dan usahawan. Kini IKM telah membuka semula kursus/program secara 'face to face' dengan melaksanakan mengikut SOP yang dikuatkuasakan.

Bagi Segmen Eksklusif kali ini memaparkan laporan mengenai Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia dalam menerajui IKM sebagai Pusat Kecemerlangan Modal Insan Koperasi di Malaysia. Turut diselitkan dalam Majalah INFO keluaran kali ini adalah rencana tentang program **Seminar Aplikasi Dunia Digital dalam Meningkatkan Pendapatan Perniagaan** yang merupakan program anjuran IKM Zon Timur khusus untuk memberi pendedahan kepada koperator dan usahawan dalam meningkatkan pendapatan menerusi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Semoga para pembaca mendapat manfaat daripada pembacaan Majalah INFO kali ini.

Sekian.

Hamidah Mohd Jos



Sidang Editor

Penasihat

En. Mohd Roslan Bani Amin
Ketua Pengarah

Ketua Editor

Pn. Hamidah Mohd Jos

Editor

Pn. Norhayati Abd. Rahman
Pn. Noor Shafeeza Zainuddin
Pn. Nur Syazwani Zainul Abidin
Pn. Nor Azlina Kassim
Pn. Norawati Ngatmin
Pn. Syarifah Rohaya Wan Idris
Pn. Hjh. Yusnita Othman
En. Hafizal Abu Bakar

Pn. Rohalinda Ahad

Pn. Julizah Sabstu

En. Mohamad Haniff Mohamad Hashim

Pn. Malesa Shela Ta'yib

En. Muhammad Afnan Hasim

En. Muhammad Shafiq Mohd Noor

Cik Nasuha Nezuakifli

Pn. Norul Hayatie Hashim

Penyelaras

Cik Zaharatul Laili Zakaria

Pn. Sharepah Nur Azirah Shareh Abd Rahman

Reka Bentuk dan Cetakan

Reka Cetak Sdn. Bhd.

www.rekacetak.com

Kandungan

EKSKLUSIF

- 06 Majlis Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Baharu

FOKUS

- 08 Mini Karnival Keusahawanan Koperasi "Cipta Nilai, Jana Pendapatan"
- 11 Seminar "Aplikasi Dunia Digital dalam Meningkatkan Pendapatan Perniagaan"
- 13 Seminar Penyelidikan IKM: "Memacu Kecemerlangan Koperasi Melalui Penyelidikan Berimpak Tinggi"
- 15 Karnival Keusahawanan Koperasi 2020 Gelombang Arus Perniagaan Berteknologi

PERSPEKTIF

- Program Turun Padang ke Arah Kemakmuran Bersama (KKB) 2020
 - 17 Zon Sarawak
 - 19 Zon Sabah
 - 21 Zon Selatan
- 26 Kursus Pemasaran Video Melalui YouTube
- 28 Kursus Asas Penternakan Arnab (Pedaging) Zon Utara



JARINGAN

- 29 Pasar COOP dan Keusahawanan Koperasi Zon Utara
- 32 Penyelidikan Keusahawanan Mahasiswa Koperasi Siswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
- 34 Pertandingan Memasak Daging Arnab Saringan Kedua Juara Peringkat Zon
- 35 Program Lawatan ke Koperasi SMK Tansau Berhad

BERITA KAKITANGAN

- 37 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019 & Majlis Sekalung Budi IKM
- 39 Kursus Pengenalan kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di IKM Zon Selatan
- 40 Bengkel Penulisan dan Penyuntingan Artikel




Tahniah

**YB DATO' SRI DR.
HAJI WAN JUNAIDI
BIN TUANKU JAAFAR**

atas pelantikan sebagai

**MENTERI PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**

Ikhtisar daripada
**Anggota Lembaga Pengarah,
Pengurusan Tertinggi
dan Warga Kerja
Institut Koperasi Malaysia**



Tahniah

**YBHG. PROF. DATUK
DR. RADUAN CHE ROSE**

atas pelantikan sebagai

**PENGERUSI LEMBAGA
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

**YBRS. ENCIK MOHD ROSLAN
BIN BANI AMIN**

atas pelantikan sebagai

**KETUA PENGARAH
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**



Ikhlas daripada
**Pengurusan Tertinggi dan Warga Kerja
Institut Koperasi Malaysia**



Majlis Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Baharu

Nor Azila Md Tauhid
Institut Koperasi Malaysia

Pada 17 Jun 2020 satu Majlis Penyampaian Watakah Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah IKM yang baharu telah diadakan di Pejabat YB Menteri di Putrajaya. Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Dr. Hj. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Seramai lapan (8) orang Ahli Lembaga Pengarah IKM baharu telah dilantik berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 iaitu **YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose**, Presiden Majlis Profesor Negara sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah IKM; **YBhg. Dato' Mohammad Radhi bin Abdul Razak**, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC); **YBrs. En. Mohd Roslan bin Bani Amin**, Ketua Pengarah IKM; **YBhg. Dato' Sri Mohd**



Amim bin A Wahab, Ahli Perniagaan; **YBhg. Datuk Iskandar bin Abdul Malik**, Group CEO of Mantap (Investment Arm) of Police Corporation; **YBhg. Datuk Wira Rosli bin Mat Hassan**, Naib Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia; **YBrs. En. Bastien bin Onn**, Pengarah Asian Trade City Sdn. Bhd. dan **YB Adhif Syan bin Abdullah**, Ahli Dewan Negeri Dengkil.

Pelantikan ini menjadikan jumlah keseluruhan Ahli Lembaga Pengarah IKM kepada tiga belas (13) orang termasuk **YBhg. Datuk Nordin Bin Salleh**, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia; **YBhg. Dato' Dr. Samsu Adabi Bin Hj. Mamat**; **YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Mat Nor**, Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Kementerian Kewangan Malaysia; **YBrs. Tuan Haji Nasir Khan bin Yahaya**, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad; dan **YBrs. En. Abdul Razak bin Abu Bakar**, Ketua Pegawai Perbankan Perniagaan Bank Rakyat.

Ahli Lembaga Pengarah IKM berperanan sebagai pembuat keputusan dasar dan polisi seterusnya bertanggungjawab untuk meningkatkan keupayaan sektor koperasi negara. IKM mengalu-alukan penyertaan lapan (8) orang Ahli Lembaga Pengarah baharu ini untuk bersama-sama IKM menerusi pengalaman yang dimiliki bagi menerajui IKM agar kekal relevan sebagai Pusat Kecemerlangan Modal Insan Koperasi di Malaysia.



IKM mengalu-alukan penyertaan lapan (8) orang Ahli Lembaga Pengarah baharu ini untuk bersama-sama IKM menerusi pengalaman yang dimiliki bagi menerajui IKM agar kekal relevan sebagai Pusat Kecemerlangan Modal Insan Koperasi di Malaysia.



Mini Karnival Keusahawanan Koperasi 'Cipta Nilai, Jana Pendapatan'

Muhamad Yusof

Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Program Mini Karnival Keusahawanan Koperasi merupakan program usaha sama antara Institut Koperasi Malaysia Zon Timur (IKMZT) dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Koperasi Penternak Arnab Kelantan Berhad (KOPETAK). Kerjasama penganjuran mini karnival ini bertujuan mewujudkan sinergi antara organisasi yang mempunyai peranan tersendiri dalam ekosistem keusahawanan terutama dalam industri asas tani di Kelantan. IKMZT sebagai penyedia latihan dan bimbingan berkoperasi di Pahang, Terengganu dan Kelantan, manakala Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) pula sebagai institusi yang membangunkan kemajuan industri asas tani di kawasan Kemubu. Dalam konteks ini juga, peranan KOPETAK diketengahkan sebagai sebuah koperasi yang menyediakan perkhidmatan dalam rantaian nilai industri penternakan arnab pedaging di Kelantan. Inspirasi IKMZT adalah untuk memberi kesedaran kepada usahawan dan koperator tentang kepentingan untuk memimpin pasaran dan bukan lagi menjadi pengikut pasaran.



Program sehari ini melibatkan dua aktiviti utama iaitu aktiviti di dalam dewan dan aktiviti di luar dewan. Aktiviti di dalam dewan bermula sebelah pagi sehingga makan tengah hari yang memfokuskan kepada Bicara Ilmu dan pameran agensi dari TEKUN Negeri Kelantan dan SME Corp Negeri Kelantan. Bagi program Bicara Ilmu, ia melibatkan dua sesi pembentangan dan satu sesi forum agensi. Pembentangan sesi pertama dengan tajuk Koperasi Membina Ekosistem Penternakan Arnab telah disampaikan oleh En. Fakhrul Adabi Nawi selaku Pengerusi Koperasi Penternak Arnab Kelantan Berhad dan sesi kedua

bertajuk Cipta Nilai, Jana Pendapatan telah dikongsikan oleh YBr. Tn. Haji Ariffin Mamat, Mantan Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia. Manakala sesi ketiga merupakan forum agensi yang melibatkan wakil agensi iaitu En. Mohd Shihabuddin Mohd Yazid, Timbalan Pengarah SKM Negeri Kelantan; Tn. Hj. Mohd Zin Halim, Timbalan Pengerusi JPAN Kelantan dan Pn. Hj. Norhayati Zakaria, Penolong Pengurus TEKUN Negeri Kelantan. Moderator bagi sesi ini dikendalikan oleh En. Mohd Zaib Mat Yunus, Pengarah Kanan Zon IKM. Di sebelah petang pula disusuli dengan demonstrasi awet kulit arnab oleh En. Fakhrul Adabi Nawi selaku Pengerusi Koperasi Penternak Arnab Kelantan Berhad.

Pertandingan mewarna yang bertemakan arnab telah disertai oleh 25 orang kanak-kanak yang berumur antara 5-6 tahun dari Tabika Kemas Sri Intan, Tabika Kemas Fatimah 1 dan pengunjung mini karnival. Johan pertandingan mewarna dimenangi

oleh Muhammad Hakim Muhammad Harith Najmi, tempat kedua oleh Qaseh Iman Mohd Hafizie dan tempat ketiga oleh Muhammad Amarel Muhammad.

Mini karnival dimeriahkan lagi dengan adanya gerai jualan yang mula beroperasi dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Gerai jualan ini disertai oleh 12 usahawan dan koperasi dari Kelantan serta Terengganu dengan pelbagai aneka jualan termasuk makanan, minuman, produk kecantikan dan pakaian.

Untuk sesi demonstrasi masakan berasaskan daging arnab, Chef Siti Musliha Abdul Ghani (Chef Jemputan) dari Hotel H Elite Kota Bharu telah menyediakan empat jenis masakan iaitu, 'rabbitcheese', 'lemon rabbit', 'rabbitcorn' dan 'sandwich rabbit'. Ianya telah menarik perhatian pengunjung untuk merasai sendiri keenakan daging arnab.

Manakala bagi pertandingan memasak daging arnab, setiap peserta dibekalkan dengan daging arnab (seekor)





dan perlu menyediakan masakan mengikut kreativiti sendiri dalam tempoh satu jam. Pengadili dibuat berdasarkan lima kriteria utama iaitu i) tekstur dan rasa, ii) persembahan dan komposisi makanan, iii) kreativiti dan inovasi, iv) kebersihan dan keselamatan makanan, dan v) persediaan yang betul dan kerjasama. Pemberat utama pemarkahan terletak kepada tekstur dan rasa. Panel juri terdiri dari YBrs. Tn. Hj. Ariffin Mamat, En. Wan Rosdi bin Wan Yusoff (Pengarah Bahagian Pengembangan KADA) dan Chef Siti Musliha Abdul Ghani.

Panel juri telah menobatkan Pn. Wan Rushiella Wan Kamal dan En. Sopian Mohd Zawawi yang mempertaruhkan tiga jenis menu iaitu Arnab Goreng Kalasan bersama Nasi Jagung berserta Acar Epal Hijau, Sate Arnab Lilit bersama Tomato dan Sup Wantan Arnab sebagai johan pertandingan memasak yang membawa balik hadiah berupa barangan elektrik bernilai

RM1000.00. Naib johan pula yang berupa hadiah barangan elektrik bernilai RM800.00 disandang oleh Pn. Nur Fadzila Wahab dan Pn. Ruhaila Anis Mokhtar dengan menu masakan iaitu Arnab 'Grill' bersos 'Black Peper' Pudina Homemade. Manakala tempat ke 3 yang berupa hadiah barangan elektrik bernilai RM500.00 dimenangi oleh Pn. Wan Norazlina Wan Ismail dan Siti Rokiah bt Ismail dengan menu masakan iaitu Arnab Grill Sos Berapi bersama Sos 'Sweedish'.

Secara keseluruhannya, peserta telah didedahkan dengan peluang dan ruang yang wujud dalam gerakan koperasi bagi meningkatkan sosioekonomi pada masa hadapan. Program ini juga dapat mengumpulkan para usahawan luar dan usahawan koperasi yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan baharu yang berpotensi meningkatkan pendapatan.



Seminar

“Aplikasi Dunia Digital Dalam Meningkatkan Pendapatan Perniagaan”

Malesa Shela Ta'yib
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur



Revolusi Industri 4.0 atau *Industry Revolution 4.0 (IR 4.0)* atau boleh juga disebut sebagai *Industry 4WRD* sedang rancak dibincangkan masa kini dalam mana-mana sektor produktiviti dan perkhidmatan. Secara umum, semua adalah tentang perkara yang sama. IR 4.0 melibatkan *Internet of Things (IoT)* yang juga melibatkan penggunaan peranti pintar dan teknologi secara meluas dalam menghasilkan ledakan maklumat dan data yang besar dan cepat bagi kegunaan industri. Perkembangan teknologi yang terlalu pantas membawa perubahan yang besar kepada kehidupan seharian manusia yang membawa kepada Revolusi Industri 4.0. Kita tidak boleh menghalang kepantasan teknologi tetapi kita sepatutnya bergerak seiring dengan

perkembangan teknologi supaya sentiasa kekal relevan di dalam apa jua bidang yang diceburi.

Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini masih lagi ramai antara kita terutama gerakan koperasi yang masih jauh ke belakang kerana tidak mengambil peluang dan kesempatan yang ada dalam Revolusi Industri 4.0. Kebanyakan mereka tidak faham dan tidak tahu apa kepentingan yang mereka boleh peroleh dari IR 4.0 ini. Oleh yang demikian, Institut Koperasi Malaysia Zon Timur (IKMZT) telah mengambil inisiatif menganjurkan program seminar berkaitan IR 4.0 supaya koperasi dan usahawan di Pantai Timur khususnya di negeri Pahang mendapat pendedahan sewajarnya berkaitan IR 4.0 ini. Program





seminar yang diberi tajuk “Aplikasi Dunia Digital Dalam Meningkatkan Pendapatan Perniagaan” telah berlangsung selama satu hari di Sultan Ahmad Shah International Convention Centre & The Zenith Hotel. Sambutan yang agak memberangsangkan diterima daripada koperasi, usahawan, institusi pendidikan tinggi dan sekolah yang berdekatan terhadap program ini.

Program satu hari ini telah dibahagikan kepada tiga sesi ceramah yang disampaikan oleh tiga orang penceramah yang berbeza mengikut bidang kepakaran masing-masing. Sesi pertama telah disampaikan oleh En. Kamaruzaman Jahidin, Pengerusi Povernode Solutions Sdn. Bhd. En. Kamaruzaman menyampaikan ceramah berkaitan cabaran dan peluang revolusi perindustrian keempat (IR 4.0) kepada para peserta yang hadir. Kebanyakan peserta termasuk pelajar yang hadir mendapat gambaran yang jelas dengan apa yang dimaksudkan dengan IR 4.0 dan apa peranan mereka kepada industri. En. Kamaruzaman juga turut berkongsi contoh-contoh sektor yang telah mengaplikasikan IR 4.0 dalam urusan perniagaan mereka sama ada di luar dan dalam negara. Sesi pertama ini berjaya membuka minda semua peserta untuk bersama membudayakan IR 4.0 dalam perniagaan dan kehidupan seharian.

Sesi kedua program pula peserta didedahkan dengan agensi yang bersama-sama menyokong IR 4.0 yang disampaikan oleh Pn. Noraizah Mohammad dari Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC). MDEC merupakan agensi kerajaan yang bersama-sama menyokong dan membantu koperasi, agensi atau jabatan untuk sama-sama mengaplikasikan penggunaan IR 4.0 dalam pengurusan dan perniagaan yang diceburi. Beliau turut berkongsi Aplikasi *Internet of Things (IoT)* dalam e-Ladang yang sudah mula digunakan oleh peladang dan petani di Malaysia. Beliau juga berkongsi berkaitan projek e-Ladang yang merupakan *pilot* projek bagi MDEC yang memfokuskan pada sektor pertanian. Fokus utama projek ini adalah untuk menggalakkan petani untuk bertukar daripada pertanian tradisional ke pertanian moden dengan menjana pendapatan yang lebih lumayan.

Seterusnya dalam sesi ketiga, IKMZT telah menjemput En. Mohd Shakran Shamsudin yang merupakan Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan Hulu Langat. Beliau merupakan salah seorang usahawan dan pembimbing usahawan yang menggunakan aplikasi IR 4.0 dalam pengurusan dan perniagaan fertigasi cili yang diusahakannya bersama

usahawan lain. Mempunyai ladang fertigasi cili terbesar di Malaysia, beliau telah membuktikan yang aplikasi IR 4.0 banyak membantu dalam meningkatkan pendapatan usahawan-usahawan cili di bawah seliaannya. Selain dapat mengurangkan kos dalam tenaga kerja, hasil tanaman juga lebih cantik kerana kurang serangan serangga. Menggunakan sistem e-Satellite Farm, petani mengawal keadaan ladang masing-masing hanya dengan menggunakan aplikasi yang telah dimuat turun ke telefon pintar masing-masing. Sensor pula diletakkan di ladang bagi menghantar informasi kepada peladang melalui telefon. Maklumat yang dihantar kepada petani adalah seperti waktu untuk menyiram tanaman atau meletakkan baja. Apabila mendapat maklumat, mereka hanya perlu klik sahaja pada aplikasi di telefon untuk tindakan seterusnya.

Kesimpulannya, secara keseluruhan program ini banyak memberi pendedahan dan maklumat kepada peserta dan koperator yang hadir. Walaupun IR 4.0 ini sudah lama di luar negara, namun bagi koperator terutamanya yang berada di pantai timur ia sesuatu yang baharu yang patut disambut baik dan disokong. Semoga IKMZT terus cemerlang menjalankan program-program seumpama ini untuk koperator-koperator di pantai timur.

Seminar Penyelidikan IKM: “Memacu Kecemerlangan Koperasi Melalui Penyelidikan Berimpak Tinggi”

Azmaliza Arifin
Pusat Penyelidikan



Bergambar kenangan bersama peserta Seminar Penyelidikan 2019.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Pegawai Latihan di Institut Koperasi Malaysia (IKM) adalah salah satu usaha memantapkan IKM dalam menyediakan tenaga pakar dan para ilmuwan dalam pelbagai bidang berkaitan pengurusan dan pentadbiran koperasi yang dapat dijadikan rujukan oleh gerakan koperasi di Malaysia. Penyelidikan yang dijalankan perlu berkaitan dengan isu-isu semasa yang relevan kepada gerakan koperasi masa kini. Hakikatnya, dalam sesebuah

institusi latihan, penyelidikan merupakan faktor terpenting dalam menjadikan institusi sebagai satu badan yang dinamik, progresif dan inovatif, sejajar dengan tema seminar pada kali ini iaitu **“Memacu kecemerlangan koperasi melalui penyelidikan berimpak tinggi”**. Justeru, penganjuran seminar penyelidikan ini akan menyebarkan luas hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh para pegawai dan mewujudkan platform perbincangan isu-isu dalam gerakan koperasi di Malaysia.



Ucapan Perasmian oleh YBrs. Tn. Hj. Ariffin Mamat.



Pembentangan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Dr. Yusman Yacob.



Pembentangan oleh Datin Dr. Romaizah (SKM) (kiri) dan Dr. Zurita (IKM) (kanan).

Penganjuran seminar penyelidikan pada tahun ini telah diadakan pada **11-12 Disember 2019** di **Hotel Palm Garden, Putrajaya**. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tn. Hj. Ariffin Mamat, Mantan Ketua Pengarah IKM dan turut disertai seramai **81 orang peserta** yang terdiri daripada Pegawai Latihan IKM, Pegawai Pengurusan IKM, Pensyarah/pelajar Universiti (UMS, UKM, USIM dan UMK) dan Pegawai SKM. **Objektif seminar** ini adalah untuk mengenal pasti hasil kajian berimpak yang dapat memberi manfaat kepada gerakan koperasi, berkongsi ilmu penyelidikan dalam konteks koperasi, mewujudkan medan perbincangan ilmuwan secara intelektual mengenai isu dan fenomena yang boleh memberi impak kepada gerakan koperasi dan memperoleh cadangan bagi tujuan penambahbaikan.

Sebanyak sembilan **kertas kerja** telah dibentangkan iaitu tiga **kertas kerja** hasil daripada penyelidikan IKM tahun 2018/2019 yang membincangkan mengenai:

i. Kajian Keperluan Latihan Pengurus Koperasi di Semenanjung Malaysia,

- ii. Analisis dan Model Pusat Pengedaran Runcit Koperasi: Perspektif Rantaian Bekalan,
- iii. Kompetensi ALK dan Pengaruhnya Terhadap Prestasi Koperasi

Manakala sebanyak **tiga kertas kerja** hasil penyelidikan pelajar Siswazah Doktor Falsafah (PhD):

- iv. Pengaruh Sistem Pengukuran Prestasi ke atas Prestasi Pengurusan Koperasi di Malaysia,
- v. Tingkah laku Penciptaan Nilai Bersama: Pengaruhnya Terhadap Kepercayaan dan kesetiaan Anggota,
- vi. Kesan Komitmen Afektif terhadap Hubungan Faktor Sosial dan Faktor Individu dengan Persepsi Tingkah Laku Penglibatan Aktif Anggota Lembaga dalam Tadbir Urus Koperasi.

dan **tiga kertas kerja** perkongsian berkaitan gerakan koperasi Malaysia daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Universiti:

vii. Indeks Gerakan Koperasi di Malaysia (IGKM),

- viii. *Kampung Cooperatives Development Sustainability from Mizan Principles: A Case Study at Negeri Sembilan,*
- ix. *Cooperative Knowledge and Its Influence on Youth Attitude Towards Participation.*

Kesimpulannya, peranan IKM adalah untuk menggalakkan pengetahuan yang di hasilkan dari penyelidikan berimpak tinggi khususnya dalam bidang koperasi akan menjadi asas inovasi melalui aturan tadbir urus yang mampan serta menyediakan ekosistem yang seimbang di antara pembangunan modal insan dan penyelidikan. Secara tidak langsung, penganjuran seminar ini juga merupakan motivasi, galakkan serta melengkapkan diri para Pegawai Latihan IKM dalam melaksanakan penyelidikan berdasarkan bidang kepakaran masing-masing, seterusnya dapat memberi sumbangan kepada gerakan koperasi di Malaysia. Selari dengan penaiktarafan daripada maktab kepada institusi, penyelidikan juga dilihat mampu untuk mengangkat nama IKM setanding institusi lain.

Karnival Keusahawanan Koperasi 2020

Gelombang Arus Perniagaan Berteknologi

Afifah Abdul Jalal

Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan



Urus setia IKM Zon Selatan bergambar bersama En. Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan).

Seiring dengan Revolusi Industri 4.0, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Selatan telah melaksanakan Karnival Keusahawanan Koperasi 2020 bertajuk **Gelombang Arus Perniagaan Berteknologi** dan **Bicara Ilmu bertajuk Impak Penggunaan Teknologi dalam Perniagaan** pada 16 Februari 2020. Karnival ini dihadiri seramai 300 peserta yang terdiri daripada kalangan usahawan dan koperator daripada negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.



Pertandingan sukan elektronik.

Objektif program ini ialah memberi kefahaman kepada warga koperasi dan usahawan berkenaan perkembangan teknologi dan memberi pendedahan kepada warga koperasi dan usahawan mengenai kepentingan teknologi dan aplikasi teknologi dalam dunia perniagaan. Program ini didahului dengan sesi taklimat Lima Teras Strategik IKM yang memfokuskan kepada *Million Ringgit Coop League (MiRiCle)*, *Keusahawanan Koperasi*, *Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0)*, *Sustainable Development Goals (SDGs)* dan *Keusahawanan Sosial (SE)* serta Rejuvenasi Koperasi yang disampaikan oleh En. Hafizal dan Pn. Afizah iaitu Pegawai Latihan IKM Zon Selatan. Terdapat dua

sesi perkongsian pengetahuan oleh usahawan dan koperator yang menggunakan teknologi perladangan dan pertanian iaitu Koperasi Ladang Berhad yang menggunakan teknologi dron dalam menguruskan aktiviti ladang sawit dan usahawan daripada Pewaris Bumi Hijau yang menggunakan teknologi telefon pintar dalam menguruskan tanaman cili fertigasi.

Selain itu, antara pengisian karnival adalah pertandingan sukan elektronik, pameran daripada agensi-agensinya di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, gerai jualan produk usahawan dan koperasi, demonstrasi memasak botok-botok arnab dan cabutan nombor bertuah.



Demonstrasi VR permainan elektronik.



Bicara ilmu oleh Pewaris Bumi Hijau.



Sesi soal jawab peserta dan penceramah dalam sesi bersama usahawan.

Program

Turun Padang

Ke Arah Kemakmuran Bersama (KKB) 2020

Zon Sarawak

Frank Me-ol
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak

Program ke Arah Kemakmuran Bersama (KKB) yang di adakan pada 14 Januari 2020 merupakan salah sebuah program yang dijalankan oleh pihak Institut Koperasi Malaysia (IKM) bertujuan untuk meuar-uarkan program latihan IKM sepanjang tahun 2020 di samping membuka peluang perniagaan kepada koperasi dan usahawan melalui perkongsian produk dan perkhidmatan

oleh usahawan berjaya. Program turut menyentuh berkenaan isu-isu semasa berkenaan bidang keusahawanan dan perniagaan selain inisiatif dan peranan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) bagi memastikan kejayaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Program telah disertai hampir 350 orang peserta yang terdiri daripada para

kopertor dari Bahagian Sib, kakitangan awam, usahawan serta individu yang berminat.

Secara amnya, program ini telah dipecahkan kepada tiga bahagian utama iaitu taklimat oleh pihak IKM seterusnya perkongsian peluang oleh rakan usahawan sebelum sesi terakhir iaitu forum bersama dengan agensi di bawah MEDAC. Taklimat IKM oleh



Pengarah Kanan Dasar & Strategi, Cik Sharina Abdullah menyampaikan taklimat.



Gerai jualan sempena KKB diuruskan oleh Koperasi Usrati Kuching Bhd.

Cik Sharina Abdullah, Pengarah Kanan Dasar & Strategik IKM Ibu Pejabat dan Pn. Noor Zeeta Mohd Ramli, Pengarah Pusat Pembangunan Koperasi IKM Ibu Pejabat adalah berkenaan program-program yang ditawarkan oleh IKM sepanjang Tahun 2020 antaranya Program MiRiCLE, Keusahawanan Koperasi, Transformasi Minda IR 4.0, *Sustainable Development Goal* (SDG) dan *Social Entrepreneur* (SE) dan juga Rejuvenasi. Secara ringkasnya, Program MiRiCLE bertujuan untuk melonjakkan pendapatan koperasi kepada nilai jutaan ringgit manakala program Keusahawanan Koperasi akan menentengahkan perkongsian kisah kejayaan usahawan kejayaan setempat sebagai motivasi dan pendorong kepada anggota koperasi untuk menjadi usahawan koperasi sebagai alternatif kepada sekadar menjadi anggota yang pasif.

Transformasi Minda IR 4.0 pula bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti para koperator di dalam bidang teknologi IR 4.0. Agenda 2030 SDG pula adalah koleksi global 17 objektif hasil inisiatif oleh United Nations (UN) untuk keamanan dan kemakmuran global manusia dan planet pada masa kini dan akan datang. Sebanyak 12 objektif yang bersesuaian dengan koperasi di Malaysia. Secara amnya pemahaman koperasi di Malaysia berkenaan Agenda 2030 ini masih rendah dan IKM berperanan untuk menghebahkan perkara tersebut kepada sektor koperasi di Malaysia agar koperasi di Malaysia berada pada tahap yang sama dengan koperasi luar negara. SE pula merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) agar koperasi dan usahawan tidak menumpu kepada keuntungan semata-mata tetapi turut menyumbang kepada komuniti. Rejuvenasi pula merupakan satu inisiatif pihak IKM untuk membantu koperasi yang tidak aktif untuk bangkit semula.

Sesi yang kedua pula merupakan perkongsian oleh usahawan Pn. Dayang Sophia Taha, Pengarah Urusan Sophia Taha Holdings Sdn. Bhd. berkenaan dengan peluang pembangunan produk sendiri oleh usahawan dan koperasi melalui kerjasama dengan syarikat beliau iaitu Sophia Taha Holdings Sdn. Bhd yang merupakan kilang OEM pertama di Negeri Sarawak. Usahawan serta koperasi yang berminat akan dibantu di dalam proses pengeluaran daripada awal sehingga kepada menjadi produk akhir.

Sesi terakhir pula merupakan sesi forum bersama agensi di bawah MEDAC. Sebanyak empat agensi telah terlibat di dalam sesi forum iaitu daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), TEKUN, SME Corp dan ANGKASA. Antara lain forum memfokuskan kepada peranan agensi masing-masing di dalam membantu sasaran kerajaan ke arah Wawasan Kemakmuran Bersama. Setiap agensi juga telah berkongsi berkenaan dengan bantuan khusus untuk koperasi dan usahawan.

Program KKB pada kali ini secara tidak langsung telah membuka minda para peserta berkenaan dengan peranan IKM dan peluang-peluang perniagaan yang ada serta peranan agensi di bawah MED ke arah membantu di dalam meningkatkan perniagaan masing-masing. Peningkatan perniagaan secara tidak langsung akan membantu di dalam peningkatan sosioekonomi semua usahawan yang terlibat. Sebagai penganjur, IKM Zon Sarawak berharap program tersebut telah memberi manfaat kepada semua peserta untuk meningkatkan lagi potensi perniagaan koperasi dan usahawan. Semoga dengan bimbingan dan pendedahan yang berterusan ia dapat membantu hasrat kerajaan untuk meningkatkan sosioekonomi golongan B40 khususnya.

Program

Turun Padang

Ke Arah Kemakmuran Bersama (KKB) 2020

Zon Sabah

Norawati Ngatmin
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah



Kakitangan IKM Zon Sabah bersama peserta program.



Dari kiri Timbalan Pengarah IKM Zon Sabah, En. Jaibit sebagai moderator bersama panel forum SKM, TEKUN, SME Corp, ANGKASA.

Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Sabah telah menganjurkan program Turun Padang Ke Arah Kemakmuran bersama sempena promosi program latihan IKM 2020 bertempat di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah pada 29 Januari 2020 yang lalu. Program ini berkonsepkan *Road Show* di beberapa lokasi terpilih di Sabah iaitu di Hotel Royale, Tawau pada 14 Januari 2020 dan Hotel Four Point, Sandakan pada 21 Januari 2020. Manakala Kota Kinabalu merupakan lokasi terakhir bagi peringkat negeri Sabah.



Antara peserta booth pameran.



Peserta booth pameran (Kop SMK Tansau Bhd).



Peserta booth pameran (Kop Pengguna Bhd).



Pengarah IKM Zon Sabah, Pn. Norbiha memberi taklimat sesi pertama.



Sesi soal jawab bersama peserta.

Selaras dengan pelancaran Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030, IKM mengambil inisiatif menganjurkan program ini bagi menyantuni kumpulan sasaran khususnya B40 dan mempromosikan program latihan yang ditawarkan oleh IKM bagi sepanjang tahun 2020. Program Turun Padang ke Arah Kemakmuran Bersama merupakan platform bagi mengedarkan maklumat kepada warga koperator dan usahawan bagi tujuan pembudayaan keusahawanan. IKM sebagai pusat latihan dan pendidikan, berperanan menyalurkan pelbagai maklumat berkaitan pembangunan keusahawanan kepada masyarakat umum dan membantu MEDAC (Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi) merealisasikan WKB2030 dan DKN2030 bagi menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan yang unggul menjelang 2030.

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program adalah sesi pertama Taklimat Program Pembangunan Modal Insan IKM 2020 yang disampaikan oleh Pn. Norbiha Kasmuri, Pengarah IKM Zon

Sabah. Sesi kedua pula ialah Perkongsian Pengalaman Usahawan Berjaya Pengeluar Produk Telur Masin yang disampaikan oleh Pn. Dayang @ Jessie Ambukon, seorang usahawan merangkap Pengarah Urusan Farm Bay Enterprise. Seterusnya sesi ketiga iaitu Perkongsian Pengalaman Program Kaki-kaki Kampong Koperasi yang disampaikan oleh En. Darren Lo, Pengerusi Koperasi Wawasan Rakyat Sabah Berhad. Turut diadakan adalah sesi forum Agensi “Dasar Keusahawanan Negara (DKN2030): Peranan Agensi dan Koperasi ke Arah Kemakmuran Bersama” dan panel forum terdiri daripada wakil agensi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), SME CORP, TEKUN dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Moderator bagi sesi forum ini adalah En. Jaibit Jaudin, Timbalan Pengarah IKM Zon Sabah.

Secara keseluruhannya, program pada kali ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada wakil jabatan dan agensi kerajaan, para pemimpin dan anggota koperasi, para usahawan dan orang awam dari seluruh negeri Sabah dengan kehadiran 570 orang peserta.

Program

Turun Padang

Ke Arah Kemakmuran Bersama (KKB) 2020

Zon Selatan

Nur Yazira Hamsan
Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan

Bagi memperkenalkan lima teras strategik, Institut Koperasi Malaysia yang bertepatan dengan agenda Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan telah menganjurkan Program Turun Padang ke Arah Kemakmuran Bersama (KKB) pada bulan Januari dan Februari yang lalu. Sasaran peserta bagi program ini terdiri daripada koperasi dan usahawan yang berada di selatan tanah air iaitu Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Program ini mendapat sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak terutama sekali dari MEDAC, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Tekun Nasional, Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia), SME Bank serta Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

Matlamat utama program ini adalah untuk memperkenalkan program latihan Institut Koperasi Malaysia (IKM) bagi tahun

2020, taklimat Program Pembangunan Modal Insan IKM 2020 serta peranan agensi di bawah MEDAC. Selain itu, selaras dengan visi MEDAC untuk menjadikan keusahawanan sebagai salah satu agenda utama negara, program ini telah menjemput beberapa orang usahawan untuk berkongsi kisah kejayaan mereka. Pameran dari agensi dan gerai jualan juga turut diadakan.

Lokasi pertama bagi Program KKB Zon Selatan telah diadakan di Ruili International Hotel, Kluang, Johor pada 21 Januari 2020 yang telah melibatkan penyertaan seramai 254 peserta. Program ini dimulakan dengan sesi taklimat Program Pembangunan Modal Insan IKM 2020 yang disampaikan oleh Pn. Noor Zeeta Mohd Ramli, Pengarah Pusat Pembangunan Koperasi dan Pn. Azlifah Abas, Pengarah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) dari ibu pejabat IKM. Program Pembangunan Modal Insan IKM 2020

yang meliputi lima teras strategik iaitu *Million Ringgit Coop League* (MiRiCLe), Keusahawanan Koperasi, Transformasi Minda ke Arah Revolusi Industri 4.0, *Sustainable Development Goals* (SDGs) dan Keusahawanan Sosial, serta Rejuvenasi Koperasi diperkenalkan kepada para peserta agar dapat dimanfaatkan oleh operator dan usahawan.

Program diteruskan dengan sesi Perkongsian Pengalaman Koperasi Berjaya yang disampaikan oleh Tn. Hj. Hassan Sarkon, Pengerusi Koperasi Peserta FELCRA Paloh Berhad (KPPF). Tn. Hj. Hassan yang mempunyai pengalaman lebih 21 tahun dalam dunia perkoperasian telah berkongsi pengalaman beliau mengenai kejayaannya dalam pentadbiran koperasi dari segi tenaga kerja dan strategi pemasaran perniagaan koperasi. KPPF telah merangkul pelbagai anugerah dan antaranya adalah Anugerah 100 Koperasi Terbaik Malaysia pada tahun 2018, di kedudukan yang ke-41.

Sesi seterusnya adalah Forum Agensi bertajuk “Peranan Agensi dan Koperasi ke Arah Kemakmuran Bersama” yang diwakili oleh Pn. Melor Mod Zin, Timbalan Pengarah (Kawal Selia dan Pengurusan) SKM, Haji Sazali Abd Hamid, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Johor, En. Mohd Firdaus Hamid, Penolong Pengarah SME Corporation Malaysia Pejabat Negeri Johor, En. Mohd Shah Mohd Ariff, Pengurus Tekun Negeri Johor dan forum ini dikendalikan oleh En. Hafizal Abu Bakar, Timbalan Pengarah Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan selaku moderator forum. Para panel

berkongsi maklumat berkenaan program-program dan jenis-jenis pembiayaan yang disediakan oleh agensi masing-masing kepada koperator dan usahawan dalam membangunkan perniagaan mereka.

Pada 29 Januari 2020, telah berlangsung program KKB di Amverton Heritage Resort, Ayer Keroh, Melaka dan telah disertai oleh seramai 230 peserta. Program ini dimulakan dengan sesi taklimat Program Pembangunan Modal Insan IKM 2020 yang disampaikan oleh En. Hafizal bin Abu Bakar, Timbalan Pengarah IKM Zon Selatan dan Pn. Afizah Abdul Jalal, Pegawai Latihan IKM Zon Selatan.

Bagi sesi perkongsian pengalaman koperasi berjaya di Melaka dan Negeri Sembilan, pihak IKM Zon Selatan telah menjemput En. Jumat Mat Lani, Pengerusi Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Sri Mendapat Melaka Berhad selaku penceramah pada hari tersebut. Beliau yang merupakan bekas Timbalan Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Melaka Tengah mempunyai pengalaman berkoperasi selama lebih 24 tahun. Antara aktiviti utama koperasi ini adalah aktiviti pertanian seperti tanaman nanas MD2. Dalam sesi ini, beliau menerangkan serba ringkas berkenaan projek tanaman nanas

Program Turun Padang ke Arah Kemakmuran Bersama (KKB), Kluang, Johor.



Para peserta diberi taklimat Program Pembangunan Modal Insan IKM 2020.



Sesi forum bersama agensi.



Penyampaian cenderamata kepada penceramah.

Program Turun Padang ke Arah Kemakmuran Bersama (KKB), Ayer Keroh, Melaka.



Penyampaian cenderamata kepada penceramah.



Antara gerai jualan yang turut serta dalam Program KKB.



Pameran oleh agensi.

MD2 yang telah dijalankan oleh koperasi dan berkongsi ilmu pertanian kepada koperasi dan usahawan yang hadir.

Program diteruskan dengan sesi Forum Agensi oleh En. Mohd Firdaus Shaari, Pengarah SKM Cawangan Negeri Melaka, Tuan Haji Muslim Md Shah, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Melaka, Cik Khairiyah Jaafar, Pengarah SME Corp Malaysia, Negeri Melaka dan Pn. Roziah Mohamed, Pengarah IKM Zon Selatan sebagai moderator. Pelbagai isu dibincangkan terutama dari aspek program-program yang dianjurkan oleh agensi. Para peserta turut terlibat dalam sesi soal jawab dan peserta yang ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut boleh mengunjungi tapak pameran agensi yang telah

disediakan. Sebanyak lapan buah gerai jualan yang menjual pelbagai jenis makanan dan produk daripada koperasi dan usahawan dari Melaka dan Selangor.

Lokasi terakhir bagi program KKB Selatan telah diadakan di Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan pada 5 Februari 2020. Program ini telah melibatkan seramai 255 peserta yang terdiri daripada koperasi dan usahawan di sekitar Negeri Sembilan. Program ini dimulakan dengan sesi taklimat Program Pembangunan Modal Insan IKM 2020 yang disampaikan oleh En. Christopher John Baptist, Pengarah Pusat Antarabangsa & Kolaborasi IKM.

Bagi sesi Forum Agensi, agensi yang terlibat sebagai panel adalah Dato' Hj. Ibrahim Hj. Abdullah, Pengerusi

Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Sembilan, En. Ahmad Mu'izz Mohd Yusof, Pengarah SME Corp. Malaysia Pejabat Negeri Sembilan, Pn. Zuraidah Md Jinal, Pengurus Tekun Nasional dan Pn. Roziah Mohamed, Pengarah IKM Zon Selatan sebagai moderator. Selain itu, di luar dewan juga terdapat sebelas koperasi dan usahawan yang turut terlibat dalam membuka gerai jualan.

Program yang dijalankan di tiga lokasi ini telah mendapat maklum balas yang positif bukan sahaja daripada koperasi malah daripada usahawan juga. Program seperti ini dapat membantu koperasi dan usahawan menambah ilmu pengetahuan dalam bidang perkoperasian dan sekaligus dapat meluaskan jaringan perniagaan mereka.

Program Turun Padang ke Arah Kemakmuran Bersama (KKB), Seremban, Negeri Sembilan.



Sesi forum bersama agensi.



Sesi penyampaian taklimat Program Pembangunan Modal Insan IKM 2020.



Antara gerai jualan yang turut serta dalam Program KKB.

**Kunjungan Hormat Institut Koperasi Malaysia Kepada
YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

17 Jun 2020

Taklimat IKM

**kepada YBhg. Dato' Sri Hj. Mohammad bin
Mentek, Ketua Setiausaha Kementerian
Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

14 April 2020



**Kunjungan Hormat
Pengerusi Lembaga IKM**

11 Jun 2020





**Kunjungan Hormat Pengerusi Lembaga IKM
ke Institut Keusahawanan Negara**

25 Jun 2020



**Pelancaran Program Ke Arah Kemakmuran
Bersama & 5 Teras Strategik IKM**

21 Januari 2020



Pelancaran Program Modal Insan Keusahawanan Koperasi

18 Februari 2020



Kursus Pemasaran Video Melalui YouTube

Intan Nur Azreen Mohamad Radzi
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Para peserta bergambar bersama penceramah jemputan En. Mohd Fairuz Abd Razak (tengah), Certified YouTube Channel Growth, Online Marketer dan YouTuber.

Kursus Pemasaran Video Melalui Youtube anjuran Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah diadakan di Institut Koperasi Malaysia, Petaling Jaya buat julung kalinya pada 13 dan 14 November 2019 yang lalu. Menyasarkan anggota koperasi dan golongan usahawan, seramai 39 orang peserta telah menghadiri kursus pada kali ini. Ia bertujuan untuk memberi kefahaman dan pengetahuan mengenai teknik pemasaran melalui video Youtube serta menggunakannya dalam pemasaran 'online'. Ia seiring dengan revolusi industri 4.0 yang menginginkan warga koperator bergerak pantas menelusuri perkembangan teknologi terkini memandangkan keperluan semasa yang menggunakan media sosial dengan pelbagai platform seperti Facebook, Instagram, YouTube, Twitter dan sebagainya untuk pemasaran perniagaan digital.



Para peserta sedang belajar kaedah rakaman dan suntingan video berkualiti di YouTube.

Kursus Pemasaran Video Melalui YouTube bertujuan untuk memberi kefahaman dan pengetahuan mengenai teknik pemasaran melalui video YouTube serta menggunakannya dalam pemasaran 'online'.

Kursus ini telah dikendalikan oleh penceramah jemputan En. Mohd Fairuz Abd Razak @ Fairuz Razak. Beliau merupakan seorang 'Certified YouTube Channel Growth', 'Online Marketer' dan 'YouTuber'. Kursus ini memberi banyak pengetahuan dalam aspek rakaman dan suntingan video berkualiti di YouTube, teknik memuat naik video yang mesra 'Algorithm' di YouTube Channel, kaedah menaikkan 'ranking' video di YouTube

dengan pantas, penggunaan 'keyword' penting di dalam YouTube serta tip mendapatkan idea penghasilan video berkualiti. Peserta turut diberikan pendedahan tentang asas merakam video berkualiti, teknik suntingan video menggunakan telefon pintar, serta membuka dan memuat naik video tersebut ke YouTube Channel sendiri.

Secara keseluruhannya, para peserta dapat menimba ilmu pengetahuan baharu tentang konsep rakaman video berkualiti yang dimuat naik ke YouTube dan memberikan informasi berguna kepada penonton serta 'subscriber' YouTube Channel tersebut. Selain itu, peralatan rakaman video seperti kamera video atau telefon pintar yang digunakan perlu bersesuaian, idea video juga perlu digarap dengan baik serta pencahayaan yang bagus memainkan peranan penting dalam penghasilan isi kandungan video berkualiti. Kebiasaannya, ini dilakukan oleh para YouTuber yang menjana pendapatan dengan YouTube dan ia mampu memberikan impak kepada penonton.



Penceramah jemputan En. Mohd Fairuz Abd Razak bergambar bersama-sama Pn. Intan Nur Azreen (penyelaras), Pn. Nor Aslamiah Ali (fasilitator) dan Cik Nur Amalina Sidek (suk), Pusat ICT pada akhir kursus.

Kursus Asas Penternakan Arnab (Pedaging) Zon Utara

Nur Shuhada Hj. Mohd Ali
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara



Proses pembelajaran teori di dalam bilik kuliah.



Penceramah jemputan.



Sebahagian peserta yang hadir.



Lawatan di Ceq Lah Empire Agrofarm.

Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Utara telah menganjurkan Kursus Asas Penternakan Arnab (Pedaging) Zon Utara di Serdang Lake View Resort, Kedah pada 08 hingga 09 Mac 2020. Kursus ini diadakan untuk memberi kefahaman mengenai penternakan arnab (pedaging) di Malaysia, memberi pengetahuan menyeluruh teori berkenaan penternakan arnab (pedaging), dan memberi kefahaman berkaitan kaedah pengurusan penternakan arnab (pedaging).

Kursus ini telah dihadiri oleh 39 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Kecil (JKK), Anggota Koperasi, Tenaga Kerja Koperasi, serta individu yang berminat sekitar Perak Utara, Pulau Pinang dan Kedah dan Perlis.

Sebanyak lima sesi pendedahan tentang teori di dalam dewan kuliah yang disampaikan oleh En. Abdullah Syaraffi Samshir, Pengurus Ceq Lah Empire Agrofarm dan satu sesi lawatan tapak. Tajuk yang disampaikan adalah potensi

penternakan arnab (pedaging), pemilihan baka arnab (pedaging) yang bersesuaian, strategi pengurusan, pemakanan dan pembiakan induk serta susun atur, penyediaan sangkar dan kandang arnab. Bagi sesi lawatan tapak, peserta telah dibawa ke Ceq Lah Empire Agrofarm bagi melihat jenis-jenis baka arnab (pedaging) dan keadaan susun atur kandang arnab (pedaging).

Secara keseluruhannya, kursus ini telah mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta dan telah mencapai objektifnya. Kursus ini telah berjaya memberi pendedahan berkenaan aktiviti penternakan arnab (pedaging). Kursus ini juga telah berjaya memberikan panduan kepada para koperator tentang penternakan arnab (pedaging) demi memperkasakan gerakan koperasi di Malaysia. Maklum balas daripada kalangan peserta juga mencadangkan kursus ini diteruskan untuk masa hadapan dan membuat kursus lanjutan bagi menambah lagi pengetahuan tentang penternakan arnab (pedaging).

Pasar COOP dan Keusahawanan Koperasi Zon Utara

Nur Shuhada Mohd Ali
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara



YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1, Pulau Pinang memberi sumbangan kepada asnaf.

Buat pertama kalinya Institut Koperasi Malaysia Zon Utara bekerjasama dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Pulau Pinang menganjurkan Pasar COOP dan Keusahawanan Koperasi Zon Utara. Program ini dapat memberi pendedahan

bagi membuka minda peserta berkaitan dengan peluang bidang keusahawanan baharu kepada koperasi dan usahawan terutamanya golongan B40.

Program ini secara tidak langsung dapat membantu memperkasakan gerakan koperasi menjadi

instrumen peningkatan pendapatan anggota dengan melahirkan usahawan koperasi yang berdaya saing dan berdaya maju untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi



Kunjungan dari YB. Dato' Hj. Abdul Halim Hj. Hussain, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang.



Hasil masakan daging arnab oleh Chef Din.

negara. Pasar COOP dan Keusahawanan Koperasi Zon Utara diadakan pada 23 hingga 24 November 2019, di Perkarangan Masjid At Taqwa Bertam Indah, Kepala Batas, Pulau Pinang. Program ini bertujuan untuk mempromosikan Pasar COOP serta memberi pendedahan dan membuka peluang perniagaan baharu. *Bisnes Talk* merupakan program utama yang merangkumi penternakan arnab, COOP Station dan Mobile Spa serta memberi

pendedahan berkenaan dengan teknik strategi pemasaran secara dalam talian.

Program ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri (TKM) 1, Pulau Pinang. Program ini turut dikunjungi oleh Yang Berhormat Dato' Hj. Abdul Halim Hj. Hussain, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang, Perdagangan Antarabangsa dan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan

Pembangunan Keusahawanan. Program ini telah dihadiri oleh peserta yang terdiri daripada anggota koperasi dan usahawan sekitar Perak Utara, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Bagi sesi *Bisnes Talk*, terdapat empat kertas kerja dalam program ini. Kertas kerja pertama bertajuk "Jana Pendapatan melalui Penternakan Arnab" disampaikan oleh En. Abdullah Syaraffi Samshir, Pengurus Ceq Lah Empire Agrofarm. Sesi kedua bertajuk



Pemenang pertandingan memasak daging arnab.



Perasmian oleh YB. Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.



Bengkel Coopcycle.



Pertandingan mewarna kanak-kanak.



Pertandingan sepak raga.



Pertandingan beyblade.



Penceramah *Business Talk*.

“COOP Station dan Mobile SPA” oleh En. Amil Hj. Abdul Kadir, COO Koperasi Guru Besar SK. Pulau Pinang Berhad manakala sesi ketiga pula bertajuk “Strategi Pemasaran Online” oleh En. Abd Azharee Abdul Wahid, CEO Akademi Usahawan Mikro Sdn. Bhd. Sesi keempat bertajuk “Peranan Institut Koperasi Malaysia (IKM), Kecemerlangan Koperasi” disampaikan oleh YBrs. Tn. Hj. Ariffin Mamat, Mantan Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia.

Antara aktiviti lain program tersebut termasuk pameran agensi dan jualan barang koperasi dan usahawan, pameran arnab, pertandingan teka berat arnab dan persembahan nasyid

oleh Kumpulan Hijjaz. Selain itu, bengkel *coopcycle* koperasi wanita, *business talk*, demo masakan daging arnab, pertandingan memasak daging arnab, pertandingan mewarna kanak-kanak, forum perdana dan program sahabat pengguna.

Secara keseluruhannya, program ini telah mendapat sambutan yang positif daripada para pengunjung dan telah mencapai objektifnya. Program ini turut mendapat kerjasama daripada ANGKASA Negeri Pulau Pinang, Bank Rakyat Cawangan Kepala Batas, Pulau Pinang, dan Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah Kepala Batas Berhad (KOTAQWA).



Pegawai IKM Zon Utara bersama dengan Mantan Ketua Pengarah IKM dan Chef Din.

Penyelidikan Keusahawanan Mahasiswa Koperasi Siswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

Mohamad Haniff Mohamad Hashim
Pejabat Pengarah Kanan
(Sektor Keusahawanan dan Perniagaan)



Sesi bergambar bersama responden kajian Kosiswa UITM Melaka Berhad.



Temu bual bersama penasihat Kosiswa USM Pulau Pinang Berhad.

Kumpulan Penyelidik Institut Koperasi Malaysia (IKM) bagi Penyelidikan Keusahawanan Mahasiswa Koperasi Siswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah menjalankan temu bual, edaran borang soal selidik dan merangka program kerjasama untuk tahun 2019/2020 bersama Koperasi Siswa. Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri usahawan mahasiswa, mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong aktiviti keusahawanan, mengenal pasti faktor utama menyumbang keusahawanan koperasi, dan mengenal pasti jenis aktiviti keusahawanan yang melibatkan anggota koperasi. Sebanyak 20 koperasi telah dilawati untuk memenuhi tujuan tersebut. Setiap lawatan ke koperasi melibatkan mesyuarat dan perjumpaan bersama Anggota Lembaga Koperasi (ALK), kakitangan pengurusan dan anggota koperasi. Objektif utama pertemuan tersebut ialah untuk mendapatkan input dan maklumat

berkaitan aktiviti keusahawanan, koperasi dan cabaran berkoperasi. Borang soal selidik juga diberikan kepada mereka untuk dipanjangkan kepada anggota untuk diisi. Berikut adalah maklumat perjumpaan bersama dengan Koperasi Siswa sehingga Mac 2020:

Jadual 1: Maklumat Lawatan ke Koperasi Siswa (KOSISWA) sehingga Mac 2020

Bil	Nama Koperasi Siswa (Kosiswa)	Tarikh Perjumpaan
1	Koperasi Universiti Islam Antarabangsa Berhad	20 Nov 2019
2	Koperasi Universiti Sains Islam Malaysia Berhad	20 Nov 2019
3	Koperasi Universiti Sultan Zainal Abidin Berhad	23 Nov 2019
4	Koperasi Universiti Malaysia Terengganu	24 Nov 2019
5	Koperasi Universiti Tun Hussein Onn Berhad	2 Dis 2019
6	Koperasi Universiti Malaysia Perlis Berhad	18 Dis 2020
7	Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Skudai Berhad	23 Dis 2019
8	Koperasi Universiti Sains Malaysia Berhad Kampus Kejuruteraan Berhad	26 Dis 2019
9	Koperasi Siswa UPSI Tanjung Malim Berhad	2 Jan 2020
10	Koperasi Universiti Putra Malaysia Berhad	7 Jan 2020
11	Koperasi Universiti Teknologi MARA Berhad	8 Jan 2020
12	Koperasi USM Kubang Kerian Kelantan Berhad	12 Jan 2020
13	Koperasi Universiti Teknologi MARA Kedah Berhad	20 Jan 2020
14	Koperasi Universiti Sains Malaysia Berhad	30 Jan 2020
15	Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad	7 Feb 2020
16	Koperasi Universiti Teknologi MARA Samarahan Sarawak Berhad	13 Feb 2020
17	Koperasi Universiti Universiti Kebangsaan Malaysia Berhad	28 Feb 2020
18	Koperasi Universiti Teknologi Mara UiTM Lendu Melaka Berhad	4 Mac 2020
19	Koperasi Universiti Teknologi MARA UiTM Segamat Johor Berhad	11 Mac 2020
20	Koperasi Universiti Teknologi MARA UiTM Machang Kelantan Berhad	15 Mac 2020
21	Koperasi Universiti Teknologi MARA UiTM Arau Perlis Berhad	17 Mac 2020

Koperasi Siswa mempunyai banyak peluang untuk berniaga dan mengembangkan perniagaan dalam universiti. Ini kerana mereka mempunyai pasaran yang besar iaitu pelajar, kakitangan dan orang awam khususnya yang bertandang dan menginap dalam universiti. Justeru, potensi yang amat baik ini akan dapat dicapai sekiranya masyarakat khususnya anggota koperasi faham akan tanggungjawab dan sedar akan kepentingan berkoperasi.



Temu bual bersama penasihat Kosiswa UITM Segamat Berhad.



Temu bual bersama penasihat dan ALK Kosiswa UITM Shah Alam Berhad.



Temu bual bersama ALK Kosiswa UITM Kedah Berhad.

Pertandingan Memasak Daging Arnab Saringan Kedua Juara Peringkat Zon

Mohamad Haniff Mohamad Hashim
Pejabat Pengarah Kanan
(Sektor Keusahawanan dan Perniagaan)



Chef Jemputan Pertandingan.



Urus setia Pertandingan Memasak Daging Arnab Saringan Kedua Peringkat Zon.

Penganjuran pertandingan memasak daging arnab saringan kedua Zon Institut Koperasi Malaysia (IKM) 2020 merupakan kesinambungan daripada pertandingan memasak daging arnab yang telah dijalankan di Zon-zon IKM iaitu Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak. Ia merupakan saringan kedua yang diadakan bagi mencari pemenang antara juara pertandingan memasak daging arnab. Dianjurkan oleh Pejabat Pengarah Kanan Zon, IKM Ibu Pejabat, program ini menjadi platform untuk IKM mempromosikan arnab sebagai salah satu bentuk keusahawanan untuk aktiviti perniagaan mereka. Objektif penganjuran program ini juga adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat akan keistimewaan daging arnab sebagai menu asas yang sihat menggantikan daging

ayam, lembu atau kambing. Ia juga menjadi peluang untuk meneroka potensi pasaran baharu bagi produk hiliran industri penternakan arnab.

IKM mengambil inisiatif melibatkan diri dalam penganjuran pertandingan ini bagi mempromosikan penternakan arnab sebagai bidang perniagaan baharu yang berpotensi diperluaskan dalam pasaran negara. Industri penternakan arnab dilihat berpeluang menjana pendapatan dan meningkatkan penglibatan ekonomi khususnya kepada golongan B40. Pertandingan ini telah diadakan pada 21 Januari 2020 bertempat di Skylight, Institut Koperasi Malaysia. Ia melibatkan tujuh kumpulan daripada pemenang tempat pertama hingga ketiga iaitu Zon Utara, diikuti Zon Timur dan Zon Selatan. Juri Jemputan VIP untuk pertandingan kali ini ialah Chef Shaifuddin Rosli daripada Sungai Petani, Kedah.



Kumpulan 5 dari Zon Timur dinobatkan sebagai Juara Pertandingan Memasak Daging Arnab.



Naib Johan dimenangi oleh Kumpulan 6 dari Zon Timur.



Kumpulan 3 dari Zon Selatan telah mendapat Tempat Ketiga.



Lawatan ke Perpustakaan Cemerlang SMK Tansau.

Program Lawatan ke Koperasi SMK Tansau Berhad

Norawati Ngatmin
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Ucapan balas Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Modal Insan) En. Mohd
Zaib mewakili IKM.

Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Sabah telah mengadakan program Lawatan Koperasi *Million Ringgit Coop League* (MiRiCLe) pada 14 Februari 2020 yang lalu. Lawatan ini diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) iaitu En. Mohd Zaib Mat Yunus bersama 10 orang pegawai IKM Zon Sabah dan Ibu Pejabat ke Koperasi SMK Tansau Berhad bertempat di SMK Tansau, Ketiau, Sabah. Program ini adalah kesinambungan program MiRiCLe yang telah dihebahkan kepada ALK koperasi sebelum ini.

Objektif program MiRiCLe ini adalah untuk memperkasa koperasi dari aspek kewangan dan bukan kewangan seperti meningkatkan pendapatan koperasi kepada nilai jutaan ringgit, mengenal pasti jurang perniagaan melalui analisis perniagaan, mencadangkan alternatif penyelesaian masalah ke atas jurang yang dikenal pasti dan membuat pemantauan dan penilaian prestasi koperasi dalam tempoh program (5 tahun).

Ucapan Aluan daripada Pengerusi Kop SMK Tansau Bhd.



Lawatan ke bilik Pendidikan Pencegahan Dadah.



Persembahan pantun daripada anggota koperasi.



Lawatan ke Coop Mart Koperasi SMK Tansau Bhd.



Lawatan ke Kedai Bakeri Koperasi SMK Tansau Bhd.



Pertukaran dokumen jalinan Permuafakatan Pintar antara IKM dan Koperasi SMK Tansau Bhd.



Bersama rombongan lawatan ke Taska SeMesTa kop SMK Tansau.

Ketibaan rombongan ke koperasi disambut dengan acara kompang dan tarian “Kebudayaan Magunatip” yang dipersembahkan oleh anggota koperasi dalam kalangan pelajar. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang lawatan adalah lawatan ke Kiosk Koperasi (Koop Niaga) iaitu pelancongan mendidik ke Coop Mart Koperasi SMK Tansau Berhad, seterusnya lawatan ke Taska SeMesTa dan Kedai Bakeri Koperasi. Di samping lawatan ke projek perniagaan koperasi, ahli rombongan juga dibawa melawat ke perpustakaan sekolah cemerlang dan bilik pameran Pendidikan Pencegahan Dadah. Seterusnya, rombongan dihidangkan dengan persembahan pantun, ucapan aluan dan pembentangan Pengerusi Koperasi SMK Tansau Berhad dengan perkongsian pengalaman kejayaan koperasi. Beberapa faktor kejayaan koperasi turut dikongsikan antaranya adalah ALK yang komited, sokongan padu semua warga sekolah, jalinan dan jaringan pintar, prasarana sekolah yang teratur dan lokasi koperasi yang strategik.

Sebelum sesi lawatan berakhir, koperasi menjalankan permuafakatan pintar antara Koperasi SMK Tansau dengan IKM yang ditandatangani oleh En. Rusmadi Ahmad, Pengerusi Koperasi bersama Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) En. Mohd Zaib Mat Yunus serta disaksikan oleh Pn. Nur Syuhada Abdullah Timbalan Pengerusi Koperasi dan Pn. Norbiha Kasmuri, Pengarah IKM Zon Sabah. Permuafakatan ini dijalin untuk mencapai objektif meraih peluang dan prospek perniagaan antara kedua belah pihak, menambah pengetahuan tentang keusahawanan menerusi perkongsian ilmu, membangunkan modal insan cemerlang dan semangat kerja sepasukan dalam kalangan ALK guru dan ALK pelajar ke arah budaya berprestasi tinggi serta untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara kedua belah pihak.

Selain IKM, agensi lain yang turut terlibat dalam program lawatan ini ialah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), ANGKASA dan Koperasi Kolej Tingkatan Enam Kota Kinabalu Berhad.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019 & Majlis Sekalung Budi IKM

Nor Azmawati Hj Mohd Shafii
Unit Pengurusan Sumber Manusia



Pada 23 Jun 2020, bertempat di Auditorium Dato' Abdul Majid, Institut Koperasi Malaysia telah diadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2019 & Majlis Sekalung Budi IKM bertujuan meraikan warga kerja IKM. Majlis penting ini telah diadakan secara sederhana bagi mematuhi garis panduan pelaksanaan majlis rasmi yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam suasana negara berhadapan dengan pandemik Covid-19.

Majlis yang penuh bermakna ini telah disempurnakan oleh YBrs. En. Roslan Bani Amin, Ketua Pengarah IKM. Turut hadir YBrs. En. Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKM, YBrs. Pn. Hamidah Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan dan warga kerja IKM.

Walaupun berhadapan dengan keterbatasan mengendalikan majlis akibat pandemik Covid-19, pengurusan IKM tetap mengambil inisiatif menganjurkan majlis ini bagi memastikan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga yang menunjukkan prestasi kerja dan perkhidmatan yang cemerlang, dizahirkan seperti kelaziman pada setiap tahun. Seramai 19 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan 10 orang penerima Anugerah Ketua Pengarah (AKP) diraikan dalam majlis ini. Berikut merupakan senarai penerima anugerah tersebut:

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2019

1. Puan Roziah Mohamed *Pengarah Gred E48*
2. Encik Christopher John Baptist *Pengarah Gred E44*
3. Encik Jaibit Jaudin *Pegawai Latihan Gred E44*
4. Puan Nor Azlina Kassim *Pegawai Latihan Gred E44*
5. Puan Juliana Md Yusop *Pegawai Latihan Gred E44*
6. Encik Khairul Azmi Ismail *Ketua Audit Dalaman Gred W44*
7. Puan Nazirah Baharudin *Pegawai Latihan Gred E41*
8. Encik Muhammad Afnan Hasim *Pegawai Latihan Gred E41*
9. Encik Muhammad Shafiq Mohd Noor *Pegawai Latihan Gred E41*
10. Encik Muhammad Zulfadli Bachok *Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29*
11. Cik Norazlin Abdul Rahim *Penolong Pegawai Tadbir Gred N29*
12. Encik Sahbodin Salbun *Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22*
13. Puan Zaleha Yusof *Pembantu Pustakawan Gred S22*
14. Encik Mohd Fairuz Tulus *Pembantu Kemahiran Gred H22*
15. Encik Mustapa Hassan *Pembantu Penyediaan Makanan Gred N19*
16. Cik Nabila Rahimuddin *Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19*
17. Encik Muhamad Nur Fahmi Mohd Hassan *Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19*
18. Puan Siti Halijah Aris *Pembantu Operasi Gred N11*
19. Encik Mohd Nadzir Rasli *Pemandu Kenderaan Gred H11*

ANUGERAH KETUA PENGARAH TAHUN (APK) 2019

1. Puan Norbiha Kosmuri @ Kasmuri *Pengarah Gred E48*
2. Puan Siti Maimunah Jerni *Pengarah Gred E48*
3. Cik Noraesyah Saari *Pengarah Gred E48*
4. Dr. Zurita Mohd Saleh *Pengarah Gred E48*
5. Puan Haslinda Sujak *Pengarah Gred E44*
6. Puan Wan Nur'Ain Wan Abd Rahim *Penolong Pengarah Kanan Gred N44*
7. Puan Nor Azila Md Tauhid *Pengarah Pentadbiran Gred N48 (M)*
8. Puan Asnida Adam *Setiausaha Pejabat Gred N30*
9. Puan Rubiah Sabran *Penolong Pegawai Tadbir Gred N29*
10. Puan Khadijah Abdullah *Pembantu Penyediaan Makanan Gred N19*

Penerima APC dianugerahi dengan Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan juga Sijil Simpanan Premium berjumlah RM1000, manakala penerima APK dianugerahi Sijil Anugerah Ketua Pengarah dan juga wang tunai berjumlah RM400.

Dalam majlis ini juga telah diadakan Majlis Sekalung Budi di mana pihak pengurusan IKM mengambil kesempatan meraikan pegawai yang telah bersara atau memilih untuk bersara awal. Mereka terdiri dari:

1. Tuan Hj. Ariffin Mamat *Mantan Ketua Pengarah [Berkhidmat selama 18 bulan]*
2. Tuan Hj. Ramlan Kamsin *Mantan TKPMI [Berkhidmat selama 28 tahun 1 bulan]*
3. Encik Zakaria Hassan *Mantan P. Khidmat Pelanggan [Berkhidmat selama 36 tahun 7 bulan]*



Pihak Pengurusan IKM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perkhidmatan cemerlang yang telah ditunjukkan pegawai dan juga atas jasa yang telah dicurahkan bagi memastikan IKM terus berdaya maju dalam menelusuri pembangunan modal insan koperasi. Semoga penganugerahan ini dapat memberi inspirasi kepada warga IKM yang lain.

Kursus Pengenalan kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di IKM Zon Selatan

Adila Hashim
Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan



Pengarah IKM Zon Selatan, Pn. Roziah Mohamed (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Fasilitator EKSA, Pn. Suwati Suratman.



Sesi perkongsian ilmu.

Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Selatan mengorak langkah untuk mendapatkan pensijilan EKSA dengan menganjurkan Kursus Pengenalan EKSA pada 26 Februari 2020 yang lalu. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan EKSA kepada semua warga kerja IKM Zon Selatan. Objektif kursus ini adalah untuk memberi kefahaman berkenaan elemen baharu dalam penjenamaan semula daripada sistem 5S ke EKSA, Model Pelaksanaan dan perkongsian maklumat berkenaan kriteria-kriteria di bawah setiap komponen iaitu dari komponen A sehingga F. Selain itu, IKM Zon Selatan dimaklumkan berkenaan proses untuk mendapatkan pensijilan daripada pihak MAMPU dan

perkara-perkara yang perlu dilakukan bagi mendapatkan sijil tersebut.

Secara khususnya, penjenamaan semula daripada sistem 5S ke Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dilaksanakan bagi membolehkan agensi kerajaan mewujudkan persekitaran yang kondusif, meningkatkan imej korporat, dapat mewujudkan aktiviti melalui kreativiti dan inovasi, membudayakan "Amalan Hijau" dan dapat memastikan elemen pengauditan keperluan kepelbagaian agensi dapat diwujudkan.

Penceramah bagi kursus EKSA ini adalah Pn. Suwati Suratman daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia Johor yang telah diiktiraf oleh pihak MAMPU untuk memberi ceramah dan menjadi

fasilitator EKSA bagi mana-mana jabatan yang memerlukan latihan dan khidmat bimbingan. Maklumat berkenaan penceramah atau juga dikenali sebagai *Champion EKSA* ini boleh diperolehi melalui laman web MAMPU.

Secara keseluruhan, kursus ini mendapat sambutan yang sangat baik daripada warga kerja IKM Zon Selatan di mana kesemua pekerja iaitu seramai 10 orang hadir dan terlibat secara aktif dalam sesi perbincangan dan perkongsian maklumat secara dua hala bersama dengan puan penceramah. Kursus ini turut disertai oleh Pengarah Zon Selatan iaitu Pn. Roziah Mohamed sebagai tanda sokongan dan galakan kepada semua warga kerja.

Bengkel Penulisan dan Penyuntingan Artikel

Noraesyah Saari, Norhayati Abdul Rahman, Nor Aslamiah Ali,
Intan Nur Azreen Mohamad Radzi, Rosmalina Che Yakzam
Institut Koperasi Malaysia

Banyak orang gigih menulis artikel yang sarat dengan maklumat tetapi malangnya, tiada siapa yang membacanya. Dalam merangka penulisan artikel yang baik perlu mempunyai tiga aspek utama, iaitu pendulu, isi dan penutup. Namun, tidak semua orang mampu menulis dengan baik. Malah, kadangkala penulis profesional juga gagal melakukannya. Penulisan yang baik bukan semata-mata ditulis, tetapi lebih kepada penggunaan laras bahasa yang sesuai, tatabahasa yang betul, penyusunan dan gabungan idea serta kesinambungan antara perenggan.

Ilmu penulisan tersebut dikongsi oleh Pn. Aliah Abdul Rahim daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Beliau merupakan Ketua Bahagian Penguatkuasaan di Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera, dan

berpengalaman hampir 30 tahun dalam bidang penerbitan dan penyelidikan. Kepakaran beliau adalah dalam bidang bahasa dan sastera. Dua puluh orang pegawai yang terdiri daripada sidang editor majalah Dimensi KOOP dan Pegawai Latihan Institut Koperasi Malaysia (IKM) menghadiri Bengkel Penulisan dan Penyuntingan Artikel pada 4 hingga 5 Disember 2019.

Seorang editor yang baik mampu melihat idea yang dilontarkan oleh penulis pada perspektif yang lain dan boleh menambah baik lagi artikel tersebut. Penulisan ibarat bijih emas, manakala editor pula adalah sebagai tukang emas yang mencantikkan emas tersebut. Oleh itu, kriteria editor yang baik perlu menjadi seorang pembaca, pembimbing penulis, bertindak sebagai mekanik, kaunselor,

berpemikiran kritis dan rakan kepada penulis.

Bengkel ini memberi kefahaman dalam penggunaan gaya bahasa, tatabahasa dalam penulisan ilmiah. Peserta diberikan pendedahan tentang teknik penulisan secara teori dan praktikal, gaya penerbitan, penyuntingan naskah dan substantif. Latihan praktikal secara berkumpulan diadakan untuk menghasilkan artikel ucapan, peristiwa, tokoh dan berita. Tugasan ini bagi melihat maklum balas peserta dan keberkesanan bengkel yang dianjurkan.

Bengkel yang dianjurkan oleh IKM ini memberi manfaat yang sangat berguna dan sesuai untuk semua pegawai khususnya kepada sidang editor majalah Dimensi Koop dan wajar diadakan sebagai program tahunan.



Peserta dapat memahami teknik penulisan dan penyuntingan.



Peserta mendengar pembentangan tugas kumpulan.



Puan Aliah Abdul Rahim sedang memberi penerangan tentang penulisan.

BUKU TERBITAN

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

Dapatkan
Segera



BONGKAR RAHSIA KEJAYAAN
KOPERASI




ASAS SIMPAN KIRA




PENGURUSAN PASAR MINI



PENGURUSAN KEWANGAN



KISAH KEJAYAAN KOPERASI
(JILID 7,8 & 9)



DIMENSI KOOP

Maklumat Lanjut

Sila Hubungi:

Cik Zaharatul Laili (Pegawai Penerbitan IKM) Tel: 03-7964 9155 • laili@ikkm.edu.my

AUDITORIUM DATO' ABDUL MAJID



INSTITUT KOPERASI MALAYSIA MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN SEWA KEMUDAHAN DAN FASILITI UNTUK PELBAGAI PROGRAM DAN ACARA.

Maklumat lanjut sila hubungi:

Unit Pengurusan Fasiliti
Institut Koperasi Malaysia

103, Jalan Templer
46700 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-7964 9000
Faks: 03-7954 3957
Laman web: www.ikkm.edu.my

Encik Datu Zahiruddin
Datu Tambuyong
03-7964 9098

Puan Siti Halijah Aris
03-7964 9104

BILIK PENGINAPAN



DEWAN MAKAN



GELANGGANG FUTSAL



BILIK KULIAH



GELANGGANG PETANQUE



KADAR SEWA FASILITI (KOPERASI / AGENSI KERAJAAN)

Fasiliti	Bilik Penginapan Jenis A	Bilik Penginapan Jenis B	Auditorium Dato' Abdul Majid	Dewan Makan Seri Siantan / Seri Tanjung	Bilik Kuliah Besar	Bilik Kuliah Kecil	Bilik Komputer	Gelanggang Futsal & Petanque
Kapasiti	RM80 semalam	RM50 semalam	220 orang	350 orang	80 orang	30 orang	50 orang	-
Sewa (5 Jam)	-	-	RM1,000	RM1,000	RM300	RM200	RM350 (9 jam) + LCD Projektor	RM60 (5 Jam Pertama)
1 Jam	-	-	RM150	RM150	RM50	RM50	RM30 setiap komputer yang digunakan	RM20
LCD Projektor (1 Jam)	-	-	RM280	RM280	RM280	RM280	-	-
Wang Cagaran	-	-	RM200	RM200	RM200	RM200	RM200	RM200
TV Wall (1 Jam)	-	-	RM330	-	-	-	-	-

KADAR SEWA FASILITI (SWASTA / ORANG AWAM)

Fasiliti	Bilik Penginapan Jenis A	Bilik Penginapan Jenis B	Auditorium Dato' Abdul Majid	Dewan Makan Seri Siantan / Seri Tanjung	Bilik Kuliah Besar	Bilik Kuliah Kecil	Bilik Komputer	Gelanggang Futsal & Petanque
Kapasiti	RM80 semalam	RM50 semalam	220 orang	350 orang	80 orang	30 orang	50 orang	-
Sewa (5 Jam)	RM90 semalam	RM60 semalam	RM1,200	RM1,200	RM400	RM300	RM450 (9 jam) + LCD Projektor	RM110 (5 Jam Pertama)
1 Jam	-	-	RM150	RM150	RM50	RM50	RM30 setiap komputer yang digunakan	RM30
LCD Projektor (1 Jam)	-	-	RM280	RM280	RM280	RM280	-	-
Wang Cagaran	-	-	RM200	RM200	RM200	RM200	RM200	RM200
TV Wall (1 Jam)	-	-	RM330	-	-	-	-	-



MiRiCLE

MILLION RINGGIT COOP LEAGUE

"Mengambil Tahu Untuk Membantu"

APA ITU MiRiCLE

Program meningkatkan:
i. Profesionalisme ALK dan Pengurusan Koperasi
ii. Pendapatan dan kesejahteraan koperasi

KELAYAKAN MiRiCLE

1. Koperasi berpotensi yang mahu dan ada komitmen meningkatkan prestasi.
2. Koperasi berpotensi yang bersedia bekerjasama dengan IKM.
3. Koperasi yang berpotensi dalam kluster mikro, kecil dan sederhana.

KENAPA MiRiCLE

Membantu koperasi mikro, kecil dan sederhana yang berpotensi membangun dengan lebih terancang serta memperkasa sosioekonomi anggota koperasi.

STRATEGI MiRiCLE

- IKM Turun Padang ke koperasi.
- Program Tambah Nilai Pengurusan dan Perniagaan Koperasi.
- Program Bimbingan dan Susulan IKM secara Bersasar.
- Pemantauan bersama secara Berterusan.

ZON "TURUN PADANG"

- Kemahuan
- Kesediaan
- Keperluan

PUSAT KEPAKARAN- IKM

- Sektor / Teknikal
- Functional
- Konsultasi
- Penyelidikan
- Mentoring / Coaching

Bimbingan dan Latihan "On Demand"

Pembiayaan MiRiCLE



LALUAN PERTUMBUHAN MELALUI PENINGKATAN PRESTASI

- Tingkatkan produktiviti
- Kembangkan perniagaan sedia ada
- Mempelbagaikan perniagaan ke bidang baharu
- Amalan Pembudayaan Inovasi dan Aplikasi Teknologi

PENINGKATAN PENDAPATAN MELALUI TAMBAH NILAI

- Kursus
- Bengkel
- Khidmat Nasihat dan Bimbingan
- Mentoring dan Coaching
- Padanan Perniagaan

03-7964 9000